Objektif

Brosur ini bertujuan untuk membantu para pelabur membuat penilaian awal mengenai kos utama yang terbabit bagi menjalankan perniagaan di Malaysia. Para pelabur yang memerlukan maklumat lebih spesifik boleh menghubungi ibu pejabat MIDA di Kuala Lumpur atau mana-mana pejabat seberang laut atau negeri MIDA terdekat untuk mendapatkan nasihat dan bantuan selanjutnya.

Diterbitkan oleh:

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia adalah agensi utama Kerajaan untuk menggalak dan menyelaraskan pembangunan perindustrian di Malaysia. Sekiranya anda berminat untuk menubuhkan projek perkilangan atau perkhidmatan berkaitan perkilangan, sila hubungi MIDA untuk mendapatkan maklumat lanjut serta bantuan bagi merancang lawatan perniagaan anda.
Laman Web: www.mida.gov.my

Dengan Kerjasama:

Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) yang merupakan organisasi ekonomi sektor swasta perdana dan terbesar Malaysia, mewakili lebih 2,000 syarikat perkilangan dan perkhidmatan perindustrian pelbagai saiz. Ditubuhkan pada tahun 1968, FMM telah berjaya memimpin pengilang-pengilang Malaysia menerajui pertumbuhan ekonomi negara.
Laman Web: www.fmm.org.my

Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI) mewakili sebahagian besar syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia. Ia bermatlamat untuk menggalak, melindung serta memajukan enterpris bebas dan lebih utama memelihara kepentingan komuniti pelaburan antarabangsa sedia ada dan berpotensi yang terbabit dalam perdagangan dan perniagaan di Malaysia. MICCI, yang telah ditubuhkan pada tahun 1837, adalah pertubuhan perniagaan sektor swasta tertua di Malaysia.
Laman Web: www.micci.com

Satu Ringgit Malaysia (RM) dibahagikan kepada 100 sen. Pada masa ini, kadar pertukaran Ringgit beroperasi mengikut rejim terapung terurus berdasarkan sebakul mata wang berwajaran perdagangan. Dalam brosur ini, kos yang disebut dalam dolar AS adalah pertukaran berdasarkan AS$1 = RM3.5966

Untuk melihat kadar-kadar tukaran bagi mata wang utama asing, sila layari laman web Bank Negara Malaysia

Kadar asas pemberian pinjaman
Bank Perdagangan - 5.91% (setakat 15 Februari 2009)

Sumber: Bank Negara Malaysia – www.bnm.gov.my

Penafian: Walaupun segala usaha telah diambil untuk mengesahkan ketepatan maklumat yang terdapat dalam brosur ini, MIDA tidak akan bertanggungjawab di atas apa jua kerosakan atau kerugian yang dialami oleh seseorang atau syarikat yang berpunca daripada penggunaan maklumat yang disiarkan.

Ogos 2009

Kandungan

Memulakan Perniagaan 3

- Bayaran utama kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- Bayaran disyorkan untuk Perkhidmatan Kesetiausahaan Syarikat
- Kadar Sewa Ruang Pejabat Utama
- Kos Tanah Perindustrian & Bangunan Kilang

Percukaian di Malaysia 5

- Kadar Elaun Modal

Sumber Manusia 7

- Syarat Minimum Pekerjaan
- Caruman Berkanun
- Penggajian Ekspatriat
- Kadar Gaji

Utiliti 11

- Kadar Elektrik
- Kadar Air
- Kadar Pembetungan
- Kadar Rawatan Sisa Berjadual
- Kos Gas dan Bahan Api
- Kadar Telekomunikasi
- Perkhidmatan Internet

Kos Pengangkutan 23

- Kadar Pengangkutan Kontena
- Kadar Penghantaran Muatan melalui Laut
- Kadar Perkhidmatan Kiriman Cepat
- Kadar Kargo Udara

Kehidupan di Malaysia 25

- Kediaman Sewa
- Kadar Hotel
- Keahlian Kelab Golf
- Yuran Sekolah Antarabangsa
- Penjagaan Kesihatan
- Pembantu Rumah
- Pengangkutan Awam
- Makan Luar di Malaysia
- Membeli-belah di Kuala Lumpur
- Harga Barangan Pengguna Terpilih
- Barangan Tanpa Duti

Alamat-alamat Berguna 30

- Pertubuhan-pertubuhan Berkaitan
- Agensi-agensi Negeri
- Pejabar-pejabat Negeri MIDA
- Rangkaian Seluruh Dunia MIDA



Memulakan Perniagaan



Syarikat yang menjalankan perniagaan di Malaysia mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat, 1965.

Bayaran utama kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

	RM
Rizab Nama Bagi pendaftaran sebuah syarikat, bayaran adalah mengikut modal saham nominal, misalnya:	30
• Tidak melebihi RM100,000	1,000
• RM100,001 – RM500,000	3,000
• Melebihi RM500,000 tetapi tidak melebihi RM1juta	5,000
• RM1,000,001 – RM5 juta	8,000
• Melebihi RM5 juta tetapi tidak melebihi RM10 juta	10, 000
• RM10,000,001 – RM25 juta	20,000
• RM25,000,001 – RM50 juta	40,000
• Melebihi RM50 juta tetapi tidak melebihi RM100 juta	50,000
• Melebihi RM100 juta	70,000

Nota: Untuk mendapatkan julat penuh bayaran, sila layari laman web SSM di www.ssm.com.my
Sumber: Akta Syarikat, 1965 (Akta 125) & perundangan-perundangan kecil

Bayaran disyorkan untuk perkhidmatan kesetiausahaan syarikat

		RM
Pemerbadanan untuk Sdn. Bhd. (syarikat sendirian berhad)		2,000
Pemerbadanan untuk Bhd. (syarikat berhad awam)		3,500
Bayaran Bulanan:	Bayaran Profesional	Bayaran Kekal Khidmat
	RM	**RM**
Syarikat Sendirian:		
· Dorman	50	100
· Separuh Aktif	100	150
· Aktif	150	300
Syarikat Awam:		
· Tidak tersenarai	200	750
· Tersenarai	300	2,000
Bayaran perundingan dan nasihat (minimum, sejam)	300	

Sumber: Institut Setiausaha Berkanun & Pentadbir Malaysia (MAICSA) - www.maicsa.org.my

Kadar Sewa Ruang Pejabat Utama

Lokasi	**RM**
Alor Setar, Kedah	15.00 - 25.00
Georgetown, Pulau Pinang	16.00 - 40.00
Ipoh, Perak	11.00 - 18.00
Kuala Lumpur	62.40 - 86.10
Petaling Jaya, Selangor	35.50 - 48.40
Seremban, Negeri Sembilan	18.80 - 26.90
Melaka	11.00 - 25.00
Johor Bahru, Johor	17.20 - 30.10
Kuantan, Pahang	13.00 - 27.00
Kuala Terengganu, Terengganu	21.30 - 24.50
Kota Bharu, Kelantan	9.50 - 35.50
Kota Kinabalu, Sabah	15.00 - 27.00
Kuching, Sarawak	Tiada maklumat

Kadar tersebut di atas adalah anggaran kadar sewa (kasar) bagi satu meter persegi sebulan, termasuk bayaran perkhidmatan. Untuk melihat lokasi, sila rujuk peta di muka surat 32. Nota: 1 meter persegi = 10.76 kaki persegi.
Sumber: CH Williams, Talhar & Wong Colliers Jordan Lee & Jaafar

Kos Tanah Perindustrian & Bangunan Kilang







Kos Tanah Perindustrian*				Kos Bangunan Kilang Sediabina**	
Lokasi	**Harga jualan sekaki persegi**	**Cukai tanah setahun**	**Kadar cukai pintu tahunan (% daripada nilai harta)**	**Harga jualan sekaki persegi keluasan lantai**	**Sewa sekaki persegi sebulan**
Perlis	RM 5.80-RM 6.00	RM100 setiap 100m²	8	-	RM 0.50 - 0.80
Kedah	RM 4.70 - 5.80	RM 1.72 m²	8 – 12	RM0.75 – 1.06	RM 0.50 - 0.70
P.Pinang	RM 15 - 17	RM6,458-10,764 sehektar	10 – 13.5	RM 105.65 - 196	RM 0.70 - 1.40
Perak	RM 5.00 - 17.00	RM3,000 sehektar	10	RM 97 - 115	RM 0.50 - 0.70
Selangor	RM 8.50 - 50	RM2,763-23,204 sehektar	8 - 13	RM 110 - 400	RM 1.10 - 2.00
Negeri Sembilan	RM 6.00 - 20.00	RM1,976.84–7,700 sehektar	8 - 13	RM 74 - 306	RM 0.90 - 2.00
Melaka	RM 6.00 - 18.00	RM60-204 setiap 100m²	12-13.2	RM 50 - 180	RM 1.50 - 4.00
Johor	RM 8.00 - 22.00	Ind. Ringan :RM1,600 sehektar Ind. Sederhana :RM2,100 sehektar Ind. Berat :RM2,400 sehektar	0.28 – 1.0	RM 60 - 190	RM 0.70 - 1.20
Pahang	RM 3.00 - 11.00	< 2 hektar: RM15 setiap 100m² > 2 hektar: RM10 setiap 100m²	7 - 9	RM 50 - 127	RM 0.40 - 0.60
Terengganu	RM 0.18 - 5.60	RM8-20 setiap 100m²	5 - 10	RM 60-99	RM 0.40 – 0.65
Kelantan	< atau 2 ekar,: RM7.50 > 2 ekar,: RM 7.00	RM1,000 sehektar	5 - 12	-	RM 0.35 - 0.45
Sabah*** -KKIP -POIC	RM 18.00 - 20.00 RM 12.00	1% daripada nilai pasaran RM0.05 sekaki persegi	9 - 15	RM 145	RM 0.70 - 1.00
Sarawak	RM 2.50 - 10.00	RM285-2,400 sehektar	5.5 - 26.5	RM 92 – 155.82	RM 0.40 – 0.80

Kos Purata Pembinaan Bangunan Kilang (sekaki persegi)**

	RM
Kilang diperkukuh dengan struktur konkrit Kerangka portal keluli di atas konkrit diperkukuh Kilang dengan kemudahan 'bilik bersih'	65 - 75 75 - 80 120 - 130

**Sumber: Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri*
*** Sumber: MIDF PropertyBerhad – www.midf.com.my & Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)*
****Kos tanah di Taman Perindustrian Kota Kinabalu. (KKIP) & Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC)*

Percukaian di Malaysia



Pada umumnya, semua pendapatan syarikat atau individu yang terakru dalam, atau diperoleh daripada sumber-sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia dikenakan cukai. Bagaimanapun, pendapatan yang dihantar ke Malaysia oleh syarikat pemastautin (selain syarikat yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans, pengangkutan udara dan perkapalan), syarikat bukan pemastautin dan individu bukan pemastautin dikecualikan daripada cukai. Mulai tahun 2000, cukai pendapatan di Malaysia ditaksir ke atas pendapatan yang diperolehi pada tahun semasa. Sistem taksiran yang sedia ada telah ditukar kepada sistem taksiran sendiri secara berperingkat mulai tahun 2001.

Berkuat kuasa dari tahun taksiran 2004, pendapatan dihantar ke Malaysia oleh seorang individu pemastautin dikecualikan cukai.

Cukai Syarikat

Syarikat pemastautin dan bukan pemastautin	25%
Syarikat pemastautin dengan modal berbayar RM2.5 juta dan kurang daripadanya pada permulaan tempoh asas bagi satu tahun taksiran.	
• bagi RM500,000 pertama pendapatan tercukai	20%
• bagi pendapatan tercukai berikutnya.	25%

Cukai Pendapatan Petroleum

Seorang yang memeterai Perjanjian Petroleum dengan Petronas atau Lembaga Malaysia-Thailand dan menjalankan operasi perniagaan petroleum. "Orang" termasuk sebuah syarikat, sebuah perkongsian atau badan lain yang terdiri daripada orang-orang dan badan korporat. "Operasi petroleum" bermaksud mencari, memenangi atau memperolehi petroleum di Malaysia (melalui menggerudi, melombong, mengekstrak dan sebagainya); kesemua operasi yang berkaitan dengannya dan penjualan atau pelupusan petroleum yang dimenangi atau diperolehi, pengangkutan di dalam Malaysia petroleum yang dimenangi atau diperolehi ke mana-mana tempat jualan atau eksport tetapi tidak termasuk pengangkutan di luar Malaysia; penapisan atau pencairan; urusan perniagaan produk-produk yang telah ditapis atau dicairkan; perkhidmatan membabitkan pembekalan dan penggunaan pelantar minyak, derik, kapal tangki minyak dan barj.	38%

Cukai Pendapatan Perseorangan

Individu pemastautin yang berpendapatan tercukai RM16,667 ke atas setahun (selepas potongan bagi pelepasan diri)	1% - 27%
Individu bukan pemastautin (tidak layak untuk pelepasan diri)	27%

Cukai Tertahan

Individu bukan pemastautin	
• Pendapatan kelas khas (penggunaan harta alih, perkhidmatan teknikal, perkhidmatan pemasangan untuk bekalan loji dan jentera, dll.)	10%
• Faedah	15%
• Royalti	10%
Pembayaran kontrak ke atas:	
• akaun kontraktor	10%
• akaun pekerja	3%
Pendapatan lain seperti komisen, bayaran jaminan, bayaran agensi, bayaran pembrokeran, bayaran pencadang dll.	10%

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri – www.hasil.org.my

Cukai Jualan

Cukai jualan dikenakan ke atas barangan buatan diimport dan tempatan tertentu di bawah Akta Cukai Jualan,1972. Kadar cukai adalah antara 5%-10% bagi kebanyakan barangan kecuali bahan sediaan makanan selain bahan campuran alkohol dan bukan alkohol (selain barangan di bawah kepala No.33.02) yang digunakan bagi membuat minuman yang jatuh di bawah kod tarif 2106.90.490 dengan kadar cukai 20%. Cukai jualan juga dikenakan ke atas petroleum dan produk petroleum mengikut kadar-kadar spesifik.	5% - 10%

Cukai Perkhidmatan

Cukai perkhidmatan ini dikenakan ke atas perkhidmatan dikenakan cukai yang disediakan oleh orang yang dikenakan cukai dibawah Akta Perkhidmatan, 1975. Perkhidmatan ini termasuk perkhidmatan yang disediakan ahli profesional (seperti peguam, jurutera, arkitek, juru-ukur, pakar perunding), syarikat pengiklanan, hospital swasta, syarikat insurans, syarikat komunikasi, hotel dan restoran.	5%

Duti Eksais

Duti eksais dikenakan ke atas barangan buatan diimport dan tempatan di bawah Akta Eksais,1976. Barangan berkenaan tersenarai di bawah Perintah Duti Eksais, 2004. Barangan itu termasuk:	
Barangan	Kadar Duti
• Kereta	75% - 105%
• Pemacu 4 Roda	60% - 105%
• Motosikal	20% - 30%
• Minuman keras	RM0.10+15% seliter - RM42.50+15% seliter
• Rokok	RM0.18 sebatang + 20%

Sumber: Jabatan Kastam & Eksais Diraja Malaysia- www.customs.gov.my

Kadar Elaun Modal

Elaun modal diberikan bagi perbelanjaan modal yang layak. Elaun permulaan diberikan hanya sekali manakala elaun tahunan diberikan setiap tahun mengikut kaedah garisan lurus. Beberapa barangan yang diberikan elaun dipaparkan di bawah. Bagi loji dan mesin, syarikat dinasihatkan supaya mendapatkan pengesahan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memastikan barangan spesifik yang layak.



Elaun Permulaan

Bangunan perindustrian	10%
Komputer dan peralatan IT	20%
Peralatan kawalan alam sekitar	40%
Jentera berat & kenderaan bermotor	20%
Loji dan mesin	20%
Lain-lain	20%

Elaun Tahunan

Bangunan perindustrian	3%
Komputer dan peralatan IT	40%
Peralatan kawalan alam sekitar	20%
Loji dan mesin	
• Kenderaan bermotor, jentera berat	20%
• Loji dan mesin	14%
• Lain-lain	10%

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri- www.hasil.org.my



Syarat Minimum Pekerjaan

Akta Kerja, 1955 adalah perundangan utama mengenai hal ehwal buruh di Malaysia.

Cuti bersalin bergaji	: 60 hari
Waktu bekerja biasa	: Tidak melebihi lapan jam dalam sehari atau 48 jam dalam seminggu
Cuti kelepasan bergaji	: Sekurang-kurangnya 10 hari cuti kelepasan yang diwartakan (termasuk empat cuti umum wajib; Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan Raja, Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Pekerja) dalam satu tahun kalendar dan pada mana-mana hari yang diisytiharkan cuti kelepasan am dibawah Seksyen 8, Akta Cuti Kelepasan, 1951

Cuti tahunan bergaji untuk pekerja:

Perkhidmatan kurang dua tahun	:	8 hari
Perkhidmatan dua tahun atau lebih tetapi kurang 5 tahun	:	12 hari
Perkhidmatan melebihi lima tahun	:	16 hari

**cuti tahunan bergaji minimum yang perlu diberikan kepada pekerja.*

Cuti sakit bergaji untuk satu tahun kalendar:

Perkhidmatan kurang dua tahun	:	14 hari
Perkhidmatan dua tahun atau lebih tetapi kurang lima tahun	:	18 hari
Perkhidmatan melebihi lima tahun	:	22 hari
Memerlukan dia dimasukkan ke hospital	:	sehingga 60 hari (termasuk kelayakan cuti sakit bergaji yang dinyatakan di atas)

**cuti sakit bergaji minimum yang perlu diberikan kepada pekerja.*

Bayaran kerja lebih masa:

Hari bekerja biasa	:	satu setengah kali kadar bayaran gaji sejam
Cuti rehat	:	dua kali kadar bayaran gaji sejam
Cuti kelepasan am	:	tiga kali kadar bayaran gaji sejam

Sumber: Kementerian Sumber Manusia - www.mohr.gov.my

Caruman Berkanun



Caruman wajib di bawah **Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), 1991:**

Kumpulan Umur 55 Tahun Ke Bawah
Majikan - Minimum 12% daripada gaji bulanan pekerja
Pekerja - Minimum 8% daripada gaji bulanan pekerja.

Kumpulan Umur 55-75 Tahun
Majikan – Minimum 6% daripada gaji bulanan pekerja
Pekerja – Minimum 5.5% daripada gaji bulanan pekerja

Semua pekerja asing dan ekspatriat dan majikan mereka dikecualikan daripada caruman wajib. Bagaimanapun, mereka boleh memilih untuk mencarum mengikut kadar berikut:

Kumpulan Umur 55 Tahun Ke Bawah
Majikan - RM5.00 setiap pekerja sebulan
Pekerja - 8% daripada gaji bulanan pekerja

Kumpulan Umur 55-75 Tahun
Majikan – RM5.00 setiap pekerja sebulan
Pekerja – 5.5% daripada gaji bulanan pekerja

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja – www.kwsp.gov.my

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mentadbirkan dua skim keselamatan sosial untuk pekerja bergaji tidak melebihi RM3,000 sebulan. Setelah dilindungi, pekerja kekal diberi perlindungan tanpa menggira gaji mereka. Bagaimanapun, caruman maksimum adalah berdasarkan gaji RM3,000 sebulan.

Semua pekerja yang diambil bekerja oleh majikan di bawah kontrak perkhidmatan atau perantis bertanggungan di bawah akta PERKESO.

Caruman di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan:

- Majikan - 1.25% daripada gaji pekerja
- Pekerja - Tiada

Caruman di bawah Skim Pencen Ilat

- 1% daripada gaji pekerja – dikongsi sama rata oleh majikan dan pekerja

---

Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) beroperasi atas dasar sistem levi/bantuan. Majikan yang telah membayar levi Pembangunan Sumber Manusia layak untuk mendapatkan geran latihan daripada HRDF untuk membiayai atau mengurangkan bebanan kos latihan untuk pekerja-pekerja warga Malaysia mereka.

Syarikat perkilangan yang termasuk dibawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 adalah seperti berikut:

Kategori Majikan	Kadar Caruman Levi
Majikan yang mempunyai lima puluh pekerja ke atas (berkuat kuasa dari 1 Januari 1993);	1% daripada gaji bulanan pekerja
Majikan yang mempunyai sepuluh hingga empat puluh sembilan pekerja dan modal berbayar RM2.5 juta ke atas (berkuat kuasa dari 1 Januari 1995); dan	1% daripada gaji bulanan pekerja
Majikan yang mempunyai sepuluh hingga empat puluh sembilan pekerja dan modal berbayar kurang RM2.5 juta, diberi opsyen untuk berdaftar dengan HRDF (berkuat kuasa dari 2 Ogos 1996).	0.5 % daripada gaji bulanan pekerja

Sumber: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) - www.perkeso.gov.my

Penggajian Ekspatriat

Bagi ekspatriat berpendapatan kurang RM3,000 sebulan:

- Dengan kontrak pekerjaan kurang 24 bulan* : RM1,200 levi setahun (sektor perkilangan)
- Dengan kontrak pekerjaan 24 bulan atau lebih* : RM1,200 levi setahun (sektor perkilangan)

Bagi ekspatriat berpendapatan RM3,000 ke atas sebulan:

- Dengan kontrak pekerjaan kurang 24 bulan* : RM1,200 levi setahun (sektor perkilangan)
- Dengan kontrak pekerjaan 24 bulan atau lebih** : Tiada levi

Bagi pas penggajian:

- RM200 setahun bagi seorang ekspatriat dalam jawatan pengurusan/profesional/teknikal
- RM300 setahun bagi seorang ekspatriat dalam jawatan penting (satu jawatan yang kekal diisi oleh seorang ekspatriat)

** Pas Lawatan Pekerjaan Sementara*
*** Pas Penggajian*
Sumber: Jabatan Imigresen- www.imi.gov.my

Gaji Pegawai Eksekutif dalam Sektor Perkilangan

Dalam sektor perkilangan, gaji asas bulanan purata bagi eksekutif adalah dari RM2,949 (Eksekutif) ke RM10,251 (Pengurus Kanan) hingga RM20,752 (Eksekutif Teratas). Jadual berikut menunjukkan gaji bulanan minumum dan maksimum purata bagi jawatan-jawatan eksekutif terpilih.

Jawatan Eksekutif	RM	
	Minimum	Maksimum
Pengurus Besar	9,866	17,817
Pengurus Besar – Jualan & Pemasaran/Pembangunan Perniagaan	8,177	16,495
Pengurus Loji/Kilang	7,102	13,954
Setiausaha Syarikat	5,767	10,933
Pengawal Kewangan	11,418	23,181
Pengurus Operasi	5,200	9,250
Pengurus Sumber Manusia	4,901	9,738
Pengurus Jaminan/Kawalan Kualiti	4,876	7,870
Pengurus Pembangunan Perniagaan/Khidmat Pelanggan	4,209	8,229
Pengurus Pembelian	5,228	8,744
Pengurus Pengeluaran/Pengilangan	4,703	9,245
Pengurus Pentadbiran/Sumber Manusia/Kewangan	5,209	8,578
Pengurus Latihan	5,127	9,129
Pengurus Pemasaran	7,010	12,582
Penganalisis/Pengaturcara Sistem	2,213	4,441
Pengurus Kewangan/Akaun	4,803	8,891
Jurutera Mekanikal	2,116	4,875
Setiausaha Eksekutif/Pembantu Peribadi	2,178	4,921
Jurutera Elektrik/Elektronik	2,407	5,284
Eksekutif Pemasaran	1,961	4,158
Eksekutif Jaminan / Kawalan Kualiti	2,074	4,415
Eksekutif IT	2,089	4,529

Sumber: Kajiselidik Gaji Eksekutif 2008 MEF







Gaji Pekerja Bukan Eksekutif dalam Sektor Perkilangan

Analisis ke atas gaji bukan eksekutif dalam sektor perkilangan menunjukkan bahawa gaji asas bulanan purata adalah dari RM803 (pekerja bukan mahir) ke RM1,243 (pekerja separuh mahir) hingga RM1,639 (pekerja mahir/tukang mahir). Jadual berikut menunjukkan gaji bulanan minimum dan maksimum purata bagi jawatan-jawatan bukan eksekutif terpilih.







Jawatan Bukan Eksekutif	RM	
	Minimum	Maksimum
Setiausaha	1,211	2,556
Penyelia IT	1,553	2,906
Penjaga Jentera (Tekanan Sederhana)	1,397	2,878
Penyelia Pengeluaran	1,513	3,001
Formen	1,161	2,903
Pendandang	1,044	2,045
Jurutenik Servis/Penyelenggaraan	870	2,074
Penyelia Kawalan/Jaminan Kualiti	1,461	2988
Penyelenggara Stor/Gudang	942	2,094
Juruelektrik	873	2,178
Operator (Separuh Mahir)	588	1,485
Pemasang Wayar/Pengimpal	813	1,879
Kerani Akaun	849	1,862
Kerani Am	777	2,040
Penyambut Tetamu/Operator Telefon	767	1,670
Pembantu/Jurutenik Makmal	792	1,664
Pengaturcara Komputer/Kerani Data Entri	688	1,328
Pemandu Lori/Trak/Van	669	1,645
Pengawal Keselamatan	625	1,431
Operator Pengeluaran (Bukan Mahir)	530	1,187

Sumber: Kajiselidik Gaji Eksekutif 2008 MEF



Kadar Elektrik

SEMENANJUNG MALAYSIA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah penjana dan pembekal utama kuasa elektrik di Semenanjung Malaysia. Berkuat kuasa dari 1 Mac 2009, kadar elekrik di Semenanjung Malaysia telah dikaji semula seperti berikut:

Tarif Komersial – untuk pejabat, kedai dan hotel	**setiap kWj**
	sen
Tarif B (Voltan Rendah, bekalan voltan tidak melebihi 1,000 volt)	
Bagi penggunaan bulanan menyeluruh antara 0-200kWj sebulan:	
Bagi semua kWj	37.0
Caj bulanan minimum adalah RM7.20	
Bagi penggunaan bulanan menyeluruh melebihi 200kWj sebulan:	
Bagi semua kWj (dari1kWj ke atas)	39.7
Caj bulanan minimum adalah RM7.20	
Tarif C1 (Voltan Sederhana Am, bekalan 6.6kV-66kV)	
Bagi semua kWj	28.8
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan: RM23.93	
Caj bulanan minimum adalah RM600.00	
Tarif C2 (Voltan Sederhana Puncak/Luar Puncak, bekalan 6.6kV-66kV)	
Bagi semua kWj dalam masa puncak (jam 0800 – 2200)	28.8
Bagi semua kWj di luar masa puncak (jam 2200 – 0800)	17.7
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan dalam masa puncak: RM35.60	
Caj bulanan minimum adalah RM600.00	

Tarif Perindustrian – untuk kilang	**setiap kWj**
	sen
Tarif D (Voltan Rendah, bekalan voltan tidak melebihi 1,000 volt)	
Bagi penggunaan bulanan menyeluruh antara 0-200kWj sebulan:	
Bagi semua kWj	32.5
Caj bulanan minimum adalah RM7.20	
Bagi penggunaan bulanan menyeluruh melebihi 200kWj sebulan:	
Bagi semua kWj (dari1 kWj ke atas)	34.8
Caj bulanan minimum adalah RM7.20	
Tarif E1 (Voltan Sederhana Am, bekalan 6.6kV-66kV)	
Bagi semua kWj	26.6
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan: RM23.40	
Caj bulanan minimum adalah RM600.00	
Tarif E2 (Voltan Sederhana Puncak/Luar Puncak, bekalan 6.6kV-66kV)	
Bagi semua kWj dalam masa puncak (jam 0800 – 2200)	28.1
Bagi semua kWj di luar masa punca (jam 2200 – 0800)	17.3
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan dalam masa puncak: RM29.30	
Caj bulanan minimum adalah RM600.00	
Tarif E3 (Voltan Tinggi Puncak/Luar Puncak, bekalan 132kV ke atas)	
Bagi semua kWj dalam masa puncak (jam 0800 – 2200)	26.6
Bagi semua kWj di luar masa puncak (jam 2200 – 0800)	16.0
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan dalam masa puncak: RM29.60	
Caj bulanan minimum adalah RM600.00	

Nota: Pelanggan perindustrian, yang mana jumlah kos elektrik mereka melebihi 5% kos keseluruhan industri mereka adalah layak untuk mendapatTarif Perindustrian Khas sebanyak 10% hingga 15% lebih rendah daripada tarif perindustrian biasa.

Sumber: Tenaga Nasional Berhad – www.tnb.com.my

Sabah

Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) menjana dan membekal tenaga elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, pusat kewangan luar pesisir antarabangsa Malaysia

Tarif Komersial – untuk pejabat, kedai, restoran dan hotel	**setiap kWj**
	Sen
Tarif CM1 (Komersial Kelas 1)	
1000 kWj pertama sebulan	32
1001 kWj ke atas sebulan	27
Caj minimum sebulan: RM15	
Tarif CM2 (Komersial Kelas 2, untuk permintaan maksimum 500kW ke atas)	
Semua unit	25
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan: RM15	
Caj minimum sebulan: RM1,000	
Tarif Perindustrian – untuk kilang	setiap kWj
	Sen
Tarif ID1 (Perindustrian Kelas 1)	
2000 kWj pertama sebulan	32
2001 kWj ke atas sebulan	26
Caj minimum sebulan: RM15	
Tarif ID2 (Perindustrian Kelas 2, untuk permintaan maksimum 500kW ke atas)	
Semua unit	20
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan: RM15	
Caj minimum sebulan: RM1,000	

Nota: Wilayah Persekutuan Labuan menikmati kadar khas kerana statusnya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa. (Sila hubungi SESB untuk maklumat lanjut).
Sumber: Sabah Electricity Sdn. Bhd – www.sesb.com.my.

Sarawak

Syarikat SESCO Berhad (SESCO) menjana dan membekal elektrik di Negeri Sarawak.

Tarif komersial – untuk pejabat, kedai, restoran dan hotel	**setiap kWj**
	sen
Tarif C1	
100 kWj pertama	40
Bagi 4,900 unit berikutnya sebulan	34
Bagi setiap unit tambahan sebulan	30
Caj minimum sebulan: RM10	
Tarif C2	
Semua unit	25
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan: RM16	
Caj minimum: RM16 setiap kW x permintaan bil	
Tarif C3	
Dalam masa puncak (jam 0700 – 2400)	25
Di luar masa puncak (jam 0000 – 0700)	14.40
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan dalam masa puncak: RM20	
Caj minimum: RM20 setiap kW x permintaan bil	
Tarif Perindustrian – untuk kilang	**setiap kWj**
	sen
Tarif 11	
100kWj pertama	40
Bagi 2900 unit berikutnya sebulan	30
Bagi setiap unit tambahan sebulan	27
Caj minimum sebulan: RM10	
Tarif 12	
Semua unit	22.20
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan: RM16	
Caj minimum: RM16 setiap kW x permintaan bil	
Tarif 13 (Puncak/Luar Puncak)	
Dalam masa puncak (jam 0700 – 2400)	23.40
Di luar masa puncak (jam 0000 – 0700)	14.40
Bagi setiap kW permintaan maksimum sebulan dalam masa puncak: RM20	
Caj minimum: RM20 setiap kW x permintaan bil	

Sumber: Syarikat SESCO Berhad (SESCO) – www.sesco.com.my

Kadar Air

Di Malaysia, kerajaan-kerajaan negeri bertanggungjawab ke atas pembangunan, operasi dan penyelenggaraan bekalan air. Entiti bagi Pihak Berkuasa Bekalan Air untuk negeri-negeri di Malaysia ialah: Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air, Lembaga Bekalan Air dan Syarikat Bekalan Air.

	setiap m³		per m³
	RM		RM
Johor Perindustrian/Komersial 0 – 20 m³ Melebihi 20 m³ Caj minimum	 2.22 2.96 18.48	**Perak** Perindustrian/Komersial 0 – 10 m³ 11 – 20 m³ Melebihi 20 m³ Caj minimum	 1.20 1.40 1.60 12.00
Kedah Perindustrian/Komersial 0-10,000 m³ 10,001 – 50,000 m³ Melebihi 50,000 m³ Caj minimum	 1.20 1.40 1.80 10.00	**Perlis** Perindustrian/Komersial Perdagangan* Caj minimum Sebahagian perdagangan** Caj minimum	 1.30 8.00 1.10 5.00
Kelantan Perindustrian/Komersial Caj minimum	 1.25 12.50	**Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan** Komersial Caj minimum	 0.90 4.00
Melaka Perindustrian/Komersial Caj Minimum	 1.47 15.00		
Negeri Sembilan Perindustrian/Komersial 0 – 35 m³ Melebihi 35 m³ Caj minimum	 1.50 1.60 15.00	**Sarawak** Perindustrian 0 – 25 m³ Melebihi 25 m³ Caj minimum Komersial 0 – 25 m³ Melebihi 25 m³ Caj minimum	 0.95 1.20 22.00 0.88 0.96 20.00
Pahang Perindustrian/Komersial Kegunaan perindustrian dalam zon perindustrian diwartakan 0 – 227 m³ Melebihi 227 m³ Caj minimum Perdagangan* (di luar zon perindustrian yang diluluskan dll.) Caj minimum Sebahagian perdagangan** Caj minimum Pelabuhan	 0.92 0.84 30.00 1.45 20.00 0.99 10.00 1.45	**Selangor/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya** Perindustrian/Komersial 0 – 35 m³ Melebihi 35 m³ Caj minimum	 2.07 2.28 36.00
		Terengganu Perindustrian Caj minimum Komersial Kurang 70 m³ Melebihi 70 m³ Caj minimum	 1.15 50.00 0.95 1.15 15.00
Pulau Pinang Perindustrian/Komersial 0 – 20 m³ 21 – 40 m³ 41 – 200 m³ Melebihi 200 m³ Caj minimum	 0.52 0.70 0.90 1.00 10.00	*Nota:* ** Bekalan air termasuk kepada restoran awam, hotel and pasar.* *** Di mana sebahagian atau kesemua bahagian mana-mana premis yang disambungkan kepada bekalan digunakan untuk maksud perdagangan atau perniagaan tetapi air yang digunakan bukan untuk maksud perdagangan atau perniagaan yang dijalankan di premis berkenan tetapi hanya untuk sanitasi dan kebersihan.*	

Sumber: Jabatan Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air - www.kettha..gov.my

Kadar Pembetungan

Perkhidmatan pembetungan di Malaysia telah diswastakan pada 1994 dan dikendalikan **Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.**, syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Syarikat ini beroperasi di 86 kawasan pihak-pihak berkuasa tempatan kecuali di Johor Bahru, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Pelanggan Domestik

Rumah yang menerima perkhidmatan pembetungan bersambung	RM8 sebulan
Rumah bertangki septik individu	RM6 sebulan
Rumah kediaman kampung/estet bertangki septik individu atau yang menerima perkhidmatan pembetungan bersambung	RM3 sebulan
Rumah kediaman kos rendah dan rumah bernilai tahunan kurang RM600 bertangki septik individu atau yang menerima perkhidmatan pembetungan bersambung	RM2 sebulan

Pelanggan Industri

Premis yang menerima perkhidmatan pembetungan bersambung	RM 2.5 sekepala sebulan
Premis bertangki septik individu	RM 2 sekepala sebulan

Pelanggan Komersial

Bayaran perkhidmatan pembentungan bulanan bagi premis-premis komersial adalah Caj Asas yang berdasarkan Nilai Tahunan premis berkenaan dicampur Caj Berlebihan yang berdasarkan penggunaan purata air yang melebihi 100 meter padu (m^3).

Nilai Tahunan Harta	Caj bulanan bagi premis yang menerima perkhidmatan pembetungan bersambung	Caj bulanan bagi premis bertangki septik individu
RM	RM	RM
2,000 atau kurang	8	7
2,001 - 5,000	14	8
5,001 - 10,000	20	14
10,001 - 20,000	26	19
20,001 - 30,000	29	21
30,001 - 40,000	32	23
40,001 - 50,000	35	25
50,001 - 60,000	38	27
60,001 - 70,000	41	29
70,001 - 80,000	44	31
80,001 - 90,000	47	33
90,001 - 100,000	50	35
100,001 - 200,000	180	120
200,001 - 400,000	495	330
400,001 - 600,000	522	348
600,001 - 800,000	1,980	1,320
800.001 - 1,000,000	2,160	1,440
1,000,001 - 3,000,000	4,320	2,880
3,000,001 - 5,000,000	8,800	5,400
5,000,001 - 7,000,000	9,200	6,000
Melebihi 7,000,001	9,600	6,600

Caj Berlebihan Bulanan

Penggunaan Air	Caj Berlebihan
Sehingga 100 m^3	Tiada caj
Melebihi 100 m^3	30 sen setiap m^3
Melebihi 200 m^3	45 sen setiap m^3

Caj berlebihan ini tertakluk kepada satu semakan semula tahunan berdasarkan data penggunaan air tahun sebelumnya yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Air.

Sumber: Indah Water Konsortium Sdn Bhd – www.iwk.com.my

Kadar Rawatan Sisa Berjadual

Kualiti Alam Sdn. Bhd. adalah syarikat yang dilantik untuk mengendalikan perkhidmatan rawatan/pelupusan sisa berjadual luar-tapak di Semenanjung Malaysia. Pusat pengurusan sisanya terletak di Bukit Nanas, Negeri Sembilan. Bagi sisa bukan berjadual, kadar pemugutan dan pelupusan berbeza mengikut lokasi dan kontraktor yang mengendalikan perkhidmatan tersebut.

Kumpulan Sisa	Jenis Sisa
A	**Sisa Minyak Galian** Sisa mengandungi minyak pelincir, minyak hidraulik dll.
B	**Sisa Kimia Organik Mengandungi Halogen dan/atau Sulfur>1%** Freon, sisa PVC, kloroform, pelarut, kapasitor, alatubah yang mengandungi PCB, dll.
C	**Pelarut Sisa Mengandungi Halogen dan/atau Sulfur < 1%** Aseton, alkohol (misalnya etanol, metanol), benzena, turpentin, zailena, dll. Sisa hendaklah boleh dipam, mengandungi <50% air dan 18MJ/kg nilai kalorifik
H	**Sisa Kimia Organik Mengandungi Halogen dan/atau Sulfur <1%** Glu, lateks, cat, fenol, dakwat cetak, minyak sintetik, sabun, epoksi, dll.
K	**Sisa Mengandungi Merkuri** Merkuri, lampu wap, bendalir COD, bateri merkuri, dll.
T	**Sisa Racun Perosak** Racun serangga, fungus dan racun rampai, racun tikus, dll.
X	**Sisa Bukan Organik** Asid, alkali, sodiam hipoklorit, garam bukan organik, mendapan logam hidroksida, sisa kromat dan sianida, dll.
Z	**Pelbagai** Sisa ubat-ubatan, pek makmal, sisa asbestos, mendapan galian, isosianat (MDI,TDI), bateri, dll.

Sisa Organik Untuk Pembakaran Penunu

Kumpulan Sisa	Sisa Bungkusan*		Sisa Pukal	
	Cecair boleh dipam	Pepejal	Cecair boleh dipam	Pepejal
	setan metrik		setan metrik	
	RM		RM	
A	810	-	630	-
B	3,150	3,600	-	-
C	1,350	-	-	-
H/Z	1,890	2,790	1,800	2,700
T	3,150	3,600	-	-

**Nota: Sisa bungkusan adalah sisa yang dimasukkan ke dalam tong dram 200 liter standard atau beg PP 1 m³*

Sisa Cecair Bukan Organik Untuk Rawatan Fizikal/Kimia

Kumpulan Sisa	Tangki Palet 800 liter Setan metrik	Tong Dram 200 liter Setan metrik
	RM	RM
Sisa Asid Tanpa Kromat (X)	1,440	1,620
Sisa Alkali Tanpa Sianida (X)	1,440	1,620
Sisa Kromat (X)	1,800	1,980
Sisa Sianida (X)	1,800	1,980
Sisa Merkuri (K)	3,600	3,780

Sisa Bukan Organik Untuk Pemejalan

Kumpulan Sisa	Sisa Bungkusan* setan metrik	Sisa Pukal setan metrik
	RM	RM
X / Z	810	765

Sisa Bukan Organik Untuk Tapak Pelupusan Sampah

Kumpulan Sisa	Sisa Bungkusan* setan metrik	Sisa Pukal setan metrik
	RM	RM
X / Z	495	450

**Sisa bungkusan adalah sisa yang dimasukkan ke dalam tong dram 200 liter standard atau beg PP 1 m³*

Pengkapsulan

Kumpulan Sisa (Z)	Sisa Bungkusan* setan metrik
	RM
Tong dram remuk tercemar dan sisa tercemar lain	1,500

Penyimenan

Kumpulan Sisa	Sisa Bungkusan* setan metrik
	RM
Bateri sel kering dan pelbagai sisa lain	900

**Sisa bungkusan adalah sisa yang dimasukkan ke dalam tong dram 200 liter standard atau beg PP 1 m³*

Kadar Pengangkutan

KM	Negeri	Se Palet		Setan Metrik
		Tingkat Pertama	Tingkat Kedua	
		Min. 18 palet	Melebihi 18 palet	
		RM	RM	RM
114	Negeri Sembilan	52.88	26.44	66.10
248	Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan)	59.73	29.87	74.66
274	Melaka			
374	Selangor	60.71	30.36	75.89
652	Perak	65.61	32.80	82.01
722	Johor	79.32	39.66	99.14
760	Pahang	82.25	41.13	102.82
1050	Pulau Pinang	84.21	42.11	105.26
1152	Terengganu	113.59	56.79	141.98
1166	Kedah	180.17	90.09	225.22
1190	Kelantan	181.15	90.58	226.44
1240	Perlis	183.11	91.56	228.89
		184.09	92.04	230.11

Nota: Bagi pemungutan yang berpalet, kadar pengangkutan adalah mengikut tingkat, tingkat pertama bagi pemungutan minimum 18 palet dan tingkat kedua adalah untuk pemungutan berpalet berikutnya daripada satu konsainmen permintaan CTI.
Sumber: Kualiti Alam Sdn Bhd – www.kualitialam.org.my

Kos Gas dan Bahan Api

	Se liter
	RM
Petrol (tanpa plumbum)	
- Runcit	1.80
- Pengguna Pukal*	3.01
Diesel	
- Runcit	1.70
- Pengguna Pukal*	3.44
Minyak Bahan Api Pertengahan	2.03

	Se kg
	RM
Gas Petroleum Cecair (LPG)	
- Botol	1.75
- Pengguna Pukal*	1.85



Nota: Harga Kuala Lumpur
** Harga pukal turun-naik dari masa ke semasa mengikut kontrak dan keadaan semasa pasaran minyak mentah*

Sumber: PETRONAS Dagangan Bhd – www.petronas.com.my



Caj Telefon

Berkuat kuasa dari 1 Januari 1999, di bawah Rejim Laluan Sama, pelanggan telefon di Malaysia boleh memilih mana-mana rangkaian daripada tiga buah syarikat telefon untuk panggilan nasional dan antarabangsa. Bagi pengguna telefon selular, mereka boleh memilih daripada tiga operator perkhidmatan. Kerajaan telah memperkenalkan konsep siling tarif bagi talian tetap dan perkhidmatan selular. Kadar bayaran bergantung kepada saingan pasaran memandangkan ia tidak tertakluk kepada kawalan tertentu. Tiga operator perkhidmatan telekomunikasi berkenaan boleh menetapkan kadar masing-masing pada kadar par atau kurang daripada kadar siling.

Talian Telefon Tetap/Ibusawat Terus

TM menawarkan kedua-dua kadar yang disiarkan dan kadar mengikut keadaan. Kadar yang disiarkan itu adalah seperti yang dipaparkan di bawah. Bagaimanapun, bagi perniagaan/pengguna, Telekom Malaysia menawarkan pakej mengikut keadaan yang dapat memenuhi keperluan perniagaan/pengguna bagi STD tempatan atau antarabangsa. Teknologi bersesuaian akan digunakan untuk menyampai tahap perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan pelanggan.

Panggilan Tempatan

Setelah menjadi pelanggan bagi perkhidmatan telefon asas, satu talian ibusawat terus individu dan satu set telefon pelbagai warna pilihan disediakan. Bayaran sewa bulanan asas akan dikenakan manakala set-set telefon tambahan yang digunakan sebagai sambungan boleh disediakan dengan sewa tambahan yang minimum.

a) Kediaman

Harga/Tarif	RM
Cagaran permulaan	75
Bayaran Setem	10

Caj Sewa

Kapasiti Talian Ibusawat	Kadar Kediaman (Bulanan)	
	Semenanjung Malaysia	Sabah/Sarawak
	RM	RM
Melebihi 1000 talian	25	25
501 – 1000 talian	13	13
500 talian & kurang	13	13

b) Pelanggan Korporat

Harga/Tarif	RM
Cagaran Permulaan	200 - 500
Bayaran Setem	10

Caj Sewa

Kapasiti Talian Ibusawat	Kadar Perniagaan (Bulanan)	
	Semenanjung Malaysia	Sabah/Sarawak
	RM	RM
Melebihi 1000 talian	45	40
501 – 1000 talian	45	40
500 talian & kurang	20	20

Caj Permulaan

	RM
Caj Pemasangan (Pembayaran kepada Telekom Malaysia)	50
Caj Pendawaian* (Pembayaran kepada kontraktor dilantik Telekom Malaysia)	
Pendawaian sedia ada	30
Pendawaian baru	50
**Nota: RM50 dikenakan bagi 5 meter pertama dan bagi setiap 1meter tambahan RM5 dikenakan. Caj-caj ini juga dikenakan untuk pemindahan luaran (ER)*	
Caj Penyambungan semula Caj khidmat penyambungan semula untuk perkhidmatan pelanggan yang telah dihentikan sementara	10

Caj Panggilan

Panggilan tempatan: 8 sen untuk 2 minit pertama atau sebahagian daripadanya dan
4 sen untuk setiap minit berikutnya atau sebahagian daripadanya.

Panggilan Jauh

Dengan perkhidmatan IDD, pelanggan boleh mendial terus ke seberang laut tanpa bantuan telefonis. Kemudahan ini membolehkan pelanggan menikmati sambungan ke luar negara yang lebih murah dan cepat. Caj untuk panggilan IDD diperincikan dalam bil telefon.

Panggilan Nasional

Panggilan Nasional adalah panggilan-panggilan yang didail sendiri dari sebuah bandar ke bandar lain yang melewati kawasan caj bersebelahan.

Caj dari telefon Talian Tetap ke telefon Talian Tetap

Jarak (km) Talian tetap ke Talian tetap	**Kadar Penuh 7.00 pagi – 6.59 petang**	**Kadar Murah 7.00 malam – 6.59 pagi**	**Bantuan Telefonis** (caj setiap 3 minit)**
	RM	**RM**	**RM**
Jalur A (Tidak Melebihi 50km)	0.10 /50 saat	0.10 /60 saat*	0.35
Jalur B (50km – 150km)	0.10 /20 saat	0.10 /40 saat	0.90
Jalur C Melebihi 150km)	0.10 /7 saat	0.10 /14 saat	2.70

*Nota: * Pada masa ini Telekom Malaysia menggenakan caj bagi setiap 75 saat*
*** Bantuan Telefonis*
- Caj perkhidmatan setiap penggilan berjaya adalah RM1.50
- Setiap blok 3+3

Caj dari telefon Talian Tetap ke telefon Mudah Alih

Kawasan MTX Talian Tetap ke Mudah Alih	**Kadar Penuh 9.00 pagi – 8.59 malam**	**Kadar Murah 9.00 malam – 8.59 pagi**	**Bantuan Telefonis* (caj setiap 3 minit)**
	RM	**RM**	**RM**
Jalur L (dalam lingkungan MTX)	0.10 /20 saat	0.10 /30 saat	2.10
Jalur M (dalam lingkungan MTX)	0.10 /8.6 saat	0.10 /15 saat	2.10
Jalur N (bukan bersebelahan MTX)	0.10 /8.6 saat	0.10 /15 saat	2.10

Nota: Caj panggilan di atas berkuat kuasa dari 1 Januari 2005
** Caj perkhidmatan sebanyak RM1.50 dikenakan bagi panggilan berjaya dibuat melalui perkhidmatan Bantuan Telefonis*
MTX bermaksud Kawasan Ibusawat Telefon Mudah Alih

Caj dari telefon Talian Tetap ke Negara-negara Jiran:

	Kadar Standard	Bantuan Telefonis* (caj setiap 3 minit)
	RM	RM
Kawasan Sempadan ke Singapura/Brunei	0.10 /20 saat	0.90

*Nota: * Bantuan Telefonis – Caj perkhidmatan setiap panggilan berjaya adalah RM1.50*

	Kadar Penuh 7.00 pagi – 6.59 petang	Kadar Murah 7.00 malam – 6.59 pagi	Bantuan Telefonis* (caj setiap 3 mint)
	RM	RM	RM
Tempat-tempat lain di Semenanjung Malaysia ke Singapura#	0.10 /3.1 saat	0.10 /5.8 saat	6.00
Sabah/Sarawak ke Singapura	0.10 /2.3 saat	0.10 /4.6 saat	7.80
Tempat-tempat lain di Sabah/Sarawak ke Brunei#	0.10 /3.1 saat	0.10 /5.8 saat	6.00

*Nota: * Bantuan Telefonis - Caj perkhidmatan setiap panggilan berjaya adalah RM1.50*
 # Menunjukkan kawasan selain daripada kawasan sempadan



Perkhidmatan Panggilan Terus Antarabangsa (IDD)

Negara	Kod Negara	Perbezaan Masa (jam)	Kadar seminit (Kadar Biasa)
			RM
Amerika Syarikat	1	-13 hingga -16	0.90
Australia	61	0 hingga +2	0.90
China	86	0	2.40
Jepun	81	-7	1.80
Jerman	49	+1	1.80
UK	44	-8	0.90

Panggilan IDD dikenakan caj yang dikira bagi setiap blok 6 saat atau sebahagian daripadanya. Caj untuk setiap blok bergantung kepada negara panggilan IDD di buat.

Misalnya, jika anda membuat panggilan ke Australia dan panggilan adalah selama 10 minit dan 20 saat, caj dihitung seperti berikut:

Jumlah jangka masa = 10 minit dan 20 saat
Kadar caj ke Australia = RM0.90 setiap blok 6 saat
Jumlah jangka masa (dalam saat) = (10minit x 60 saat)+20 saat=620 saat
Jumlah blok caj unit = 620 saat/6 saat = 104 blok unit
Jumlah caj = RM0.90x104 = RM9.36

Perkhidmatan Internet

